

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**HKB 112 – Karya-Karya Besar Dari Kesusasteraan Asia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **EMPAT [4]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan. Soalan 1 dalam **BAHAGIAN A** adalah soalan **WAJIB**.

Pilih **SATU [1]** soalan daripada **Bahagian B**, **SATU [1]** soalan daripada **BAHAGIAN C**, dan **SATU [1]** lagi daripada **MANA-MANA BAHAGIAN B** atau **C**.

**BAHAGIAN A**

1. Isu-isu penting yang sering kali timbul dalam penilaian kesusasteraan sesuatu budaya asing biasanya berkaitan dengan teks sebagai artifak budaya tertentu, dan pada masa yang sama sebagai sastera dunia.

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk khusus kepada sastera dan karya

**SAMA ADA**

[a] Filipina, India, dan China

**ATAU**

[b] Arab, Jepun, dan Thai

...2/-

## BAHAGIAN B

2. Pengarang-pengarang Filipina pada lazimnya menyampaikan cerpen dengan menggunakan teknik perlambangan secara meluas. Dengan merujuk kepada mana-mana **DUA** cerpen Filipina yang telah anda kaji buktikan perkara ini.
3. Berdasarkan petikan puisi-puisi Tagore dalam **Lampiran A**, bahaskan sama ada karya **Gitanjali** wajar dianggap sebagai ekspresi cinta mistik atau cinta duniawi atau kedua-duanya.
4. **Story of the Stone**, karya termashyur Cao Xueqin, menggambarkan pandangan dan cara hidup masyarakat Cina tradisional. Namun pengarangnya juga menyelitkan pandangan yang agak moden mengenai hal-hal tertentu. Bincangkan pernyataan ini dengan mengemukakan contoh-contoh yang bertepatan daripada karya tersebut.

## BAHAGIAN C

5. Telitikan petikan berikut :

Berdasarkan cerpen "Zaabalawi" karya Naguib Mahfouz, bincangkan secara kritis soalan-soalan berikut :

[a] Siapakah Zaabalawi?

[b] Huraikan konsep "mimpi" seperti yang dialami oleh pencerita dan "pengalaman mabuk" seperti yang dilalui oleh watak Wanas. Pada pandangan anda sejauhmanakah kedua-dua konsep tersebut berjaya dijalinan oleh pengarang sehingga beroleh kesan penceritaan yang menarik?

6. Perwatakan Champoon dalam cerpen "Champoon" karya Dhep Maha – Paoraya ditampilkan melalui teknik yang amat berkesan mencerminkan citra cinta suci seorang gadis malang berakhir dengan tragedi.

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan secara mendalam sejauhmanakah pengarang berjaya mengolah plot percintaan sehingga berjaya meninggalkan kesan yang mendalam.

7. Berdasarkan drama ***Bantal Impian*** karya Yukio Mishima bincangkan:
- [a] peranan “bantal” dalam drama ini.
  - [b] Sejauhmanakah elemen mimpi berjaya mempengaruhi hasrat hidup Jiro?

**LAMPIRAN A:**

(1:1)

kurniamu maha besar  
datang padaku  
betapa hanya melalui  
tangan kecilku ini  
abad datang  
dan abad lalu  
tetapi engkau  
senantiasa memberi  
dan ruang itu  
senantiasa pula ada  
untuk di isi

(7:5)

nanyianku  
meletakkan dandannya  
ia tidak bangga  
akan pakaian atau perhiasan  
manik permata akan hanya  
menyulitkan perjanjian kita  
memisahkan kita saja  
bunyi deringnya  
akan menyesakkan bisikanmu

(16:22)

dalam diam engkau berjalan  
di redup suram  
di musim hujan bulan Julai  
bagai malam dengan langkah perlahan  
sambil menjauhi  
orang yang mengintai

(39:50)

apabila kereta-emasmu  
nampak muncul dari jauh  
bagai mimpi yang indah  
dan aku bertanya  
pada diriku sendiri  
siapakah raja  
dari segala raja-raja itu

(47:57)

kupu-kupu membuka sayapnya  
dalam laut cahaya  
seroja dan melati  
naik ke puncak  
gelombang dalam setiap mega  
gembira mengembang  
dari daun ke daun  
kesenangan  
yang tiada terhingga

(49:60)

di pantai dunia tiada bertepi  
di situ datang kanak-kanak berkumpul  
taufan melancar di atas langit  
kapal tenggelam di air dalam  
maut datang berjalan keliling  
dan kanak-kanak itu terus bermain  
di pantai dunia tak bertepi  
di situ datang kanak-kanak berkumpul